

27 OCT 2001

Sultan-Perpaduan

PELIHARA PERPADUAN DAN KEAMANAN, TITAH SULTAN PAHANG

PEKAN, 27 Okt (Bernama) -- Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah hari ini bertitah mengingatkan rakyat agar terus berganding bahu dengan kerajaan negeri bagi memelihara perpaduan, keamanan dan keselamatan dalam negeri.

Bertitah pada istiadat pengurniaan darjah-darjah kebesaran negeri Pahang 2001 sempena ulang tahun baginda ke-71 di Istana Abu Bakar di sini, baginda berharap rakyat Pahang tidak akan terpengaruh dengan hasutan dan dakyah pihak-pihak tertentu yang boleh memecahbelahkan perpaduan.

"Ingatlah bahawa semangat perpaduan dan bantu membantu di kalangan setiap lapisan rakyat, tanpa mengira bangsa dan agama, membolehkan kestabilan dan kegemilangan pembangunan negeri tercapai," titah baginda.

Baginda gembira melihat semangat perpaduan di kalangan rakyat negeri ini yang masih kukuh, kerana perpaduan yang kukuh dapat mewujudkan keamanan dan ketenteraman yang akan memudahkan kerajaan merancang dan melaksana pelbagai program pembangunan demi kepentingan rakyat.

Sultan Pahang juga meminta rakyat beragama Islam supaya berpegang teguh kepada ajaran Islam yang suci dan memelihara perpaduan dan persaudaraan sesama Islam.

"Janganlah kita menjejaskan persaudaraan ini disebabkan salah faham mengenai perkara yang sengaja diberikan tafsiran dan ulasan yang tidak tepat dan sempit oleh pihak berkepentingan, yang ingin melihat umat Islam lemah dan berpecah belah," titah baginda.

Mengenai keadaan politik dan ekonomi dunia pada masa ini, baginda yakin Malaysia mampu menghadapi apa juga keadaan sama ada secara langsung atau tidak, berikutan langkah yang diambil oleh kerajaan pusat pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Baginda berharap kerajaan negeri Pahang akan berusaha mengekalkan sektor pertanian, perindustrian dan pelancongan sebagai asas kekuatan ekonomi negeri bagi menjamin pertumbuhan yang mantap, walaupun mungkin agak perlahan.

"Dalam keadaan ekonomi yang bergerak perlahan, beta faham bukanlah mudah bagi kerajaan untuk mencari punca hasil yang baru bagi menampung keperluan kewangan yang bertambah," titah baginda.

Bagaimanapun, baginda berharap kerajaan negeri akan berbelanja secara lebih cermat dan memastikan kawalan ke atas perbelanjaan yang telah diluluskan, dapat diperkukuhkan lagi.

Sementara itu, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata dalam suasana politik dan ekonomi dunia yang tidak menentu dan mengalami kelembapan, kerajaan negeri masih mampu menjalankan urusan kerja seharian bagi menjana pembangunan ekonomi walaupun perlahan.

"Bagaimanapun, kerajaan akan terus menjalankan urusan harian dalam kedudukan kewangan yang terhad," katanya semasa menyembah ikrar taat setia mewakili wakil-wakil rakyat, pegawai-pegawai kerajaan, Badan Berkanun dan rakyat negeri Pahang.

Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah pula semasa menyembah perutusan taat setia mewakili Kerabat-kerabat Bergelar, Kerabat-Kerabat dan Orang-Orang Besar Negeri Pahang Darul Makmur pula memaklumkan "hadiah istimewa" sempena ulang tahun Sultan Pahang ke-71.

Hadiah istimewa itu merupakan hasrat dan persetujuan Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah untuk mendirikan rumahtangga pada tahun depan.

"Kalau boleh kita perlu tahu bila dan siapakah agaknya. Perkara ini

akan dibincang dan diumumkan pada hari yang sesuai," titah Tengku Mahkota.

Sultan Pahang kemudiannya berkenan mengurniakan darjah kebesaran Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Datuk Seri kepada empat penerima.

Mereka ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Aseh Che Mat, Pengarah Eksekutif Rimbaka Forestry (M) Sdn Bhd Datuk Wong Yeon Chai dan Naib Pengerusi Eksekutif Road Builders (M) Holdings Bhd Datuk Dr Chua Hock Chin.

Pada majlis itu juga, tujuh orang menerima darjah Sri Indera Mahkota Pahang (SIMP), empat Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP), 71 Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) dan tiga Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) Kehormat. Kesemua darjah kebesaran itu membawa gelaran Datuk.

-- BERNAMA

ROS ZB